

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 3 OGOS 2017 (KHAMIS)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Makmal satelit tangani ancaman, serangan siber	Berita Harian
2	Makmal satelit singkir ancaman malware	Sinar Harian
3	CMERP Satellite lab to tackle malware threats in Malaysia	Bernamea.com
4	CMERP Satellite lab to tackle malware threats in Malaysia	AstroAwani.com
5	MIMOS bantu lahir jurutera mahir	Kosmo
6	Inventions must be in demand	The Star Online
7	Pertandingan esei banteras gejala dadah	Utusan Malaysia

Makmal satelit tangani ancaman, serangan siber

[FOTO KHAIRUNISAH LOKMAN/BH]



Abu Bakar (kiri) mendengar penerangan ketika melawat Makmal Satelit 'Coordinated Malware Eradication and Remediation' sambil diperhatikan Amirudin (dua dari kanan) di UTEM, Durian Tunggal, Melaka.

➔ Kumpul data,
hapuskan
ancaman
dengan pantas

Oleh Noor Azurin Mohd
Sharif
bhnews@bh.com.my

► Durian Tunggal

Malaysia akan membina makmal satelit yang berfungsi mengumpul data berkaitan serangan siber, khususnya malware bagi menghapuskan ancaman itu dengan pantas.

Pembangunan makmal satelit Coordinated Malware Eradication and Remediation Project (CMERP) itu memabiti-

kan kerjasama CyberSecurity Malaysia (CSM) dan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dengan kos RM7.4 juta.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Wira Dr Abu Bakar Mohamad Diah, berkata pembinaan makmal di UTeM itu menggunakan peruntukan MOSTI.

Kumpul maklumat

"Makmal satelit ini berfungsi untuk mengesan serta mengumpul maklumat ancaman malware seperti sampel binari dan log trafik rangkaian, sebelum dapat menghapuskan ancaman berkenaan dengan pantas.

"Sistem automasi ini dapat menyediakan maklumat awal ancaman siber, seterusnya bertindak terhadap sebarang ancaman siber yang boleh mem-



Makmal satelit ini berfungsi untuk mengesan serta mengumpul maklumat ancaman malware seperti sampel binari dan log trafik rangkaian, sebelum dapat menghapuskan ancaman berkenaan dengan pantas"

Abu Bakar Mohamad Diah,
Timbalan Menteri Sains,
Teknologi dan Inovasi

bawa kemudahan besar ke atas infrastruktur kritikal negara," katanya pada sidang media selepas merasmikan projek makmal berkenaan di UTEM di sini, semalam.

Yang turut hadir, Naib Canselor UTeM, Datuk Dr Shahrin Sahib dan Ketua Pegawai Eksekutif CSM, Datuk Amirudin Abdul Wahab.

Abu Bakar berkata, penubuhan makmal satelit itu membolehkan CSM dan UTeM terus bekerjasama bagi menjalankan penyelidikan, pengumpulan, pemprosesan dan penyingkiran serangan ancaman siber berskala besar.

"Saya juga berkeyakinan persekitaran ruang siber yang selamat akan dapat menarik minat serta menggalakkan pelabur luar negara, seterusnya meningkatkan pendapatan negara," katanya.

KERATAN AKHBAR
SINAR HARIAN : MUKA SURAT 48 (DARI MELAKA/N.SEMBILAN)
TARIKH: 3 OGOS 2017 (KHAMIS)

Makmal satelit singkir ancaman malware

ALORGAJAH - Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) menjalin kolaborasi dengan **Cyber Security Malaysia (CSM)**, mewujudkan makmal satelit pertama bagi menangani ancaman siber khususnya serangan perisian jahat malware di negara ini.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti), **Datuk Abu Bakar Mohamad Diah** berkata, makmal dibangunkan dengan peruntukan bernilai RM7.4 juta itu akan dapat memperkasakan aspek keselamatan siber dengan memberi fokus utama kepada pembangunan Sistem Automasi Penyingkiran Ancaman Malware.

Menurutnya, kerjasama itu juga dapat memudahkan dan memantapkan penyelidikan ancaman siber di bawah Coordinated Malware Eradication and Remediation Project (CMERP).

"Ia akan jadi medium mengesan dan mengumpul maklumat ancaman malware menerusi kemudahan sensor dalam sistem itu seperti sampel binari dan log trafik rangkaian, yang akan dikenal pasti bagi menghapuskan ancaman tersebut dengan lebih efektif dan pantas.

"Selain itu, ia menghalang serangan ter-

sebut daripada terus merebak.

"Makmal ini lebih menumpukan mengenai persediaan menyerang perisian jahat malware yang membolehkan kita mengumpul data, membuat ramalan dan persediaan bila serangan perisian jahat ini boleh berlaku.

"Kita tak nak bila dah diserang baru dapat dikesan. Tapi dengan adanya makmal ini kita dapat beritahu pelanggan di Malaysia bahawa perisian jahat ini akan datang menyerang lagi beberapa hari dan mereka dapat membuat persediaan," katanya pada sidang media selepas menyempurnakan Majlis Perasmian Makmal Satelit di Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) UTeM Kampus Induk Durian Tunggal, di sini, semalam.

Abu Bakar yang juga Ahli Parlimen Tangga Batu turut mensasarkan agar maklumat itu mampu melahirkan lebih ramai kepakaran dalam bidang ICT.

Sementara itu, Naib Canselor UTeM, **Datuk Dr Shahrin Sahib** berkata, kewujudan makmal itu juga berupaya melonjakkan fungsi Pusat Kecemerlangan UTeM di dalam bidang keselamatan siber di Malaysia khusus di Melaka.



Abu Bakar menurunkan tandatangan sebagai simbolik merasmikan Makmal Satelit, semalam.



CMERP Satellite Lab To Tackle Malware Threats In Malaysia

Last update: 02/08/2017

MELAKA, Aug 2 (Bernama) -- The Coordinated Malware Eradication and Remediation Project (CMERP) satellite laboratory worth RM7.4 million has been set up at Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) to tackle malware threats in this country.

Deputy Science, Technology and Innovation Minister Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah said the lab was set up using the ministry's allocation through its agency CyberSecurity Malaysia with the cooperation from UTeM.

"It would conduct various researches in the field of cyber security as an early preparation to detect malware threats, besides to collect data and predict possible attacks.

"The increase usage of information and communications technology (ICT) has contributed to the cyber security risks...without knowledge and awareness on the cyber security, people will fall victims to cyber threats," he told reporters after officiating the CMERP satellite laboratory here today.

Also present were **CyberSecurity Malaysia chief executive officer Datuk Dr Amirudin Abdul Wahab** and UTeM vice-chancellor Prof Datuk Dr Shahrin Sahib.

Abu Bakar said the lab, which would be directly monitored by CyberSecurity Malaysia headquarters in Seri Kembangan, Selangor, would also provide digital forensic analysis service, covering further investigations to identify the cause of infection and those responsible in spreading the virus.

Meanwhile Amirudin said malware attacks would cause losses of money and personal data.

Therefore, he said cyber security threats, especially malware attack, were the main focus of CyberSecurity Malaysia and numerous actions had been taken, including cooperation with local and foreign intelligence agencies, to monitor the current development.

"We are also cooperating with universities in various fields relating to cyber security so that the expertise in cyber threats will be expanded nationwide," he said.

Shahrin, on the other hand, said the opening of the laboratory would inadvertently

increase the functions of UTeM Centre of Excellence in the fields of cyber security.

He said the cooperation with the ministry and CyberSecurity Malaysia would also strengthen research and development in cyber security in Malaysia.

-- BERNAMA



CMERP satellite lab to tackle malware threats in Malaysia



Abu Bakar said the lab was set up using the ministry's allocation through its agency CyberSecurity Malaysia with the cooperation from UTeM. -Filepix

MELAKA: The Coordinated Malware Eradication and Remediation Project (CMERP) satellite laboratory worth RM7.4 million has been set up at Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) to tackle malware threats in this country.

Deputy Science, Technology and Innovation Minister Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah said the lab was set up using the ministry's allocation through its agency CyberSecurity Malaysia with the cooperation from UTeM.

"It would conduct various researches in the field of cyber security as an early preparation to detect malware threats, besides to collect data and predict possible attacks.

"The increase usage of information and communications technology (ICT) has contributed to the cyber security risks...without knowledge and awareness on the cyber security, people will fall victims to cyber threats," he told reporters after officiating the CMERP satellite laboratory here, Wednesday.

Also present were CyberSecurity Malaysia chief executive officer Datuk Dr Amirudin Abdul Wahab and UTeM vice-chancellor Prof Datuk Dr Shahrin Sahib.

Abu Bakar said the lab, which would be directly monitored by CyberSecurity Malaysia headquarters in Seri Kembangan, Selangor, would also provide digital forensic analysis service, covering further investigations to identify the cause of infection and those responsible in spreading the virus.

Meanwhile Amirudin said malware attacks would cause losses of money and personal data.

Therefore, he said cyber security threats, especially malware attack, were the main focus of CyberSecurity Malaysia and numerous actions had been taken, including cooperation with local and foreign intelligence agencies, to monitor the current development.

"We are also cooperating with universities in various fields relating to cyber security so that the expertise in cyber threats will be expanded nationwide," he said.

Shahrin, on the other hand, said the opening of the laboratory would inadvertently increase the functions of UTeM Centre of Excellence in the fields of cyber security.

He said the cooperation with the ministry and CyberSecurity Malaysia would also strengthen research and development in cyber security in Malaysia.

MIMOS bantu lahir jurutera mahir

DALAM usaha mencapai matlamat negara maju, Malaysia harus menitikberatkan penggunaan teknologi dan inovasi dalam semua sektor.

Salah satu sektor yang banyak menggunakan mesin-mesin berteknologi tinggi dalam proses penghasilan output ialah Elektrik dan Elektronik (E&E).

Namun, kebanyakan mesin-mesin pemrosesan berteknologi yang digunakan dalam sektor E&E di negara ini dibawa dari seberang laut.

Memburukkan lagi keadaan, negara juga terpaksa mengimport kepakaran atau jurutera asing seperti India dan Filipina untuk mengendalikan mesin-mesin berteknologi tinggi itu.

Situasi itu pasti akan melambatkan lagi usaha negara mencapai sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

Menyadari hakikat itu, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) menerusi Institut Sistem Mikroelektronik Malaysia (MIMOS) giat melahirkan tenaga kerja mahir dalam industri E&E.

Bagi mencapai sasaran itu, MIMOS menerusi kerjasama dengan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) menyediakan kemudahan Pusat Pembangunan Kompetensi Teraju (ACDC) di MIMOS, Taman Teknologi Malaysia, Kuala Lumpur.

Bertaraf dunia

Pengurus Besar MIMOS Semikonduktor dan Teknologi E&E, Wan Azli Wan Ismail berkata, penggiat industri E&E tempatan harus memanfaatkan kemudahan yang disediakan ACDC.

Katanya, kemudahan itu dapat membantu mereka membina tenaga kerja berkemahiran tinggi dan bertaraf dunia, sekali gus memenuhi matlamat Industri 4.0.

"Industri 4.0 atau lebih dikenali sebagai kilang pintar adalah trend pertukaran data dalam teknologi perkilangan.

"Bagi mengekalkan pertumbuhan dan keamanan



ABU BAKAR (tengah) dan Redza (kanan) bergambar semasa majlis menandatangani MoU antara MIMOS dan pihak-pihak yang akan mengambil bahagian pada ACDC di Kuala Lumpur baru-baru ini.

sektor ini, Malaysia memerlukan bakat yang berkeupayaan dan bersedia menyumbang kemahiran mereka.

"Teknologi, inovasi, mesin atau kelengkapan canggih tidak bermakna jika modal insan dalam negara tidak cukup mahir untuk menterjemahkannya kepada pengetahuan baharu," katanya ketika ditemu bual *Kosmo!* selepas Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara MIMOS dan pihak-pihak yang mengambil bahagian dalam program ACDC di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Turut hadir pada majlis itu ialah Timbalan Menteri Mosti, Datuk Wira Dr. Abu Bakar Mohamad Diah dan Ketua Setiausaha Mosti, Datuk Seri Dr. Mohd. Azhar Yahaya.

ACDC menawarkan kemudahan latihan industri berteknologi tinggi hujung ke hujung bertaraf dunia;

la bertujuan memupuk pengalaman amali yang diperlukan dalam menghasilkan tenaga kerja berkemahiran tinggi dalam sektor E&E.

Menurut Wan Azli, memandangkan sumbangan E&E kepada pembangunan negara adalah besar, dasar dan ekosistem yang betul sangat penting supaya sektor itu menjadi teras ekonomi negara.

Beliau memaklumkan, E&E

adalah pemacu utama industri Malaysia, menyumbangkan RM288 juta atau 36.7 peratus daripada jumlah eksport kebangsaan pada tahun 2016.

"Untuk kekal di hadapan dalam persaingan global, industri perlu mendakap Industri 4.0.

Langkah strategik

"Modal insan kita harus pantas, berminda segar, kompeten dan berkemahiran tinggi dalam mengendalikan serta mengurus pengetahuan baharu.

"Justeru, organisasi tidak boleh mengelak daripada membuat pelaburan dalam membangunkan, melatih dan memupuk tenaga kerja masa depan," katanya.

Majlis itu juga menyaksikan pertukaran (MoU) antara MIMOS dan pihak-pihak yang akan mengambil bahagian dalam program awal di pusat berkenaan.

Mereka terdiri daripada NCIA, Universiti Malaya, SAGE Interactive Sdn. Bhd., Agensi Inovasi Malaysia, SIRIM Berhad, Technology Depository Agency Berhad, Gretronics Sdn. Bhd., Eelimo Sdn. Bhd., Penchem Technologies Sdn. Bhd. dan Nanotech Science Sdn. Bhd.

Usaha sama kerajaan, industri dan akademik dalam

menyediakan program pembangunan kompetensi berimpak tinggi adalah satu langkah strategik yang mengurangkan kebergantungan kepada kepakaran asing dalam industri E&E.

"Kami berharap dapat mewujudkan 2,000 profesional E&E berimpak tinggi dalam tempoh lima tahun.

"Jumlah ini dijangka memenuhi permintaan daripada semua syarikat E&E yang beroperasi di negara ini pada masa ini," katanya.

Sijil keluaran ACDC diiktiraf di peringkat antarabangsa dengan ISO9001: 2008 dan ISO/IEC17025.


Sementara itu, Ketua Eksekutif Pihak NCIA, Datuk Redza Rafiq berkata, ACDC adalah satu-satunya kemudahan di Malaysia yang menyediakan 80 peratus mod praktikal dan 20 peratus teori dalam pembuatan wafer gred industri.

Jelasnya, konsep pembelajaran itu mempercepat pembangunan set kemahiran yang menyokong inisiatif ke arah mempertingkatkan rantaian nilai E&E.

la juga menjadi pelengkap kepada program Pendidikan dan Latihan Vokasional Teknikal (TVET) serta program Lembaga Teknologi Malaysia (MBOT).

"Kerjasama MIMOS-NCIA adalah satu contoh yang sangat baik dalam menggarap Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) dengan melengkapi satu sama lain dan menggunakan sumber secara optimum," katanya.

WAN AZLI (kanan) memberi tunjuk ajar kepada salah seorang peserta ACDC.





'Inventions must be in demand'

BY ROSHIDI ABU SAMAH



Abu Bakar (second from right) presenting a certificate to SMK Datuk Haji Talib Karim principal Rohana Jantan after the school won the overall best innovation title in the competition.

JASIN: Local inventors must devise practical items in order for their innovations to be accepted in the market.

Deputy Science, Technology and Innovation Minister Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah said such an approach was vital because most Malaysians were still reluctant to buy local inventions.

He said any innovation would be meaningless if it failed to generate demand from customers.

"If we are only able to produce innovative products but no one wants to buy them, then our inventions will be of no use," he said when opening a Lifelong Learning Seminar, and Melaka and Negri Sembilan's Community College Innovation Competition at Selandar Community College in Selandar near here.

Abu Bakar said he was not worried about the innovation culture among Malaysians because there were many local inventors who have developed various innovative products.

The Tangga Batu MP said he was more concerned about the unwillingness of the public to spend on innovations invented by the local inventors.

"This has become a major challenge in our efforts to commercialise our products," he said.

Abu Bakar pointed out that Malaysians are more eager to buy imported products although the prices are higher compared to the local innovations.

He urged local inventors to use their products first to gain the public's confidence.

"Organisations such as the community colleges nationwide can support each other by using all the products invented by their respective inventors before marketing it to the public," he said.

A total of 59 out of 71 teams from Melaka and Negri Sembilan were shortlisted for the final of the innovation competition.

It was a double success for SMK Datuk Haji Talib Karim, Alor Gajah when its innovation named "Flexible Isogrid Board" was chosen as the overall best innovation in the competition as well as emerge as champions in the Teaching and Learning category.

Selandar Community College and Melaka Advanced Technology Training Centre (ADTEC) were winners in the Information Technology and Multimedia; and Design and Technology categories respectively.

ADTEC also won in the Engineering and Technical category.

All winners received their prizes from Abu Bakar.

Also present was Community College Education Department's Academic and Lifelong Learning Division director Wan Izni Rashiddi Wan Mohd Razalli.

Read more at <http://www.thestar.com.my/metro/community/2017/08/03/inventions-must-be-in-demand-abu-bakar-it-will-be-meaningless-if-customers-are-not-interested/#6ZILIB5FOHMuP9Um.99>

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (UTUSAN KOTA) : MUKA SURAT 31
TARIKH: 3 OGOS 2017 (KHAMIS)

Pertandingan esei banteras gejala dadah

MELAKA 2 Ogos - Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) negeri, Pejabat Daerah Melaka Tengah dan Parlimen Tangga Batu dengan kerjasama Pejabat Pendidikan Daerah Melaka Tengah akan menganjurkan Pertandingan Menulis Esei Majlis Tindakan Membanteras Dadah (MTMD) Peringkat Daerah Melaka Tengah.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah berkata, penganjuran pertandingan tersebut bertujuan mendapatkan idea-idea baharu daripada generasi muda bagi membanteras penyalahgunaan dadah dalam kalangan remaja seawal usia kanak-kanak.

Pertandingan yang menggunakan tajuk 'Inovasi Sosial Teras Membanteras Penyalahgunaan Dadah' itu akan bermula pada 7 hingga 18 Ogos ini sebelum majlis penyampaian anugerah pertandingan tersebut diadakan di Dewan Sekolah Menengah Kampung Gelam pada 29 September depan.

Syarat-syarat penyertaan dipecahkan kepada dua kategori iaitu pelajar sekolah menengah (tingkatan empat, lima dan enam) yang memerlukan maksimum 1,500 patah perkataan, sementara universiti (awam dan swasta) dikehendaki menulis sehingga 3,000 patah perkataan.

Kesemua esei hendaklah ditaip dengan menggunakan tulisan 'Arial 12 poin' dan penulisan haruslah dalam bahasa Melayu.

Tarikh tutup pertandingan itu adalah pada pukul 4.30 petang, 18 Ogos 2017 (Jumaat) dan kesemua penyertaan perlu dihantar melalui serahan tangan atau pos ke pejabat AADK Daerah Melaka Tengah, Ayer Keroh di sini, dan para pemenang akan dihubungi menerusi surat kepada pihak sekolah atau universiti masing-masing.